

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 02 / 09 / 2007

Thailand, Malaysia ibarat keluarga

UM - 2/9/2007

BANGKOK 1 Sept. - Menteri Luar Thailand Nitya Pibulsonggram berkata, sebagai jiran yang rapat, Thailand dan Malaysia berkongsi nikmat kemakmuran dan kesejahteraan, antara satu sama lain.

Beliau berkata, kedua-dua negara mengambil tanggungjawab bersama untuk menangani segala cabaran dan mengambil langkah bersama demi kepentingan dan faedah rakyat mereka.

Nitya berkata, seorang negarawan Malaysia pernah merujuk kepada hubungan dua hala Thailand dan Malaysia sebagai bukan

lagi hanya setakat berjiran tetapi sebagai satu keluarga.

"Ini dinyatakan bukan baru-baru ini tetapi dahulu lagi pada 1961. Jika inilah sentimennya pada ketika itu, maka pastinya sentimen hari ini lebih mesra lagi apabila hubungan antara Thailand dan Malaysia kini adalah yang paling kukuh," katanya pada majlis sambutan sempena perayaan kemerdekaan 50 tahun Malaysia dan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Thailand-Malaysia di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Duta Malaysia ke Thai-

land Datuk Shaarani Ibrahim.

Nitya berkata, Thailand berkongsi kegembiraan atas kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara moden, mempunyai masyarakat pelbagai kaum dan sedang pesat menjadi sebuah negara maju sepenuhnya dalam masa terdekat, berdasarkan Wawasan 20-20nya.

Beliau berkata Thailand mengalu-alukan peranan aktif Malaysia dalam menggalakkan kerjasama di rantau ini, memandangkan ia telah bekerjasama erat dengan Malaysia dalam isu ini, khususnya sejak awal lagi sebagai

negara anggota pengasas Asean.

"Kejayaan anda melengkapinya kami juga dan rantau kita ini.

Cabaran yang anda hadapi akan menjadi cabaran kami, dan cabaran kami menjadi cabaran anda. Ini kerana nasib yang kita hadapi terjalin satu, kerana hubungan kita saling bergantung disebabkan kepentingan yang dikongsi bersama," katanya.

Oleh itu, kata Nitya, adalah perlu hubungan ini terus dipupuk dan kerjasama digalakkan di semua peringkat.

Nitya turut berterima kasih kepada ke-

rajaan Malaysia atas kerjasama berharganya dalam menggalakkan keamanan dan kemakmuran bagi kedua-dua negara bukan setakat ketika bertemu di sempadan, tetapi jauh melangkaui itu, di mana jua terdapat kepentingan bersama.

Beliau berkata, acara malam tadi turut menandakan bermulanya siri kegiatan menyambut ulang tahun ke-50 pembentukan hubungan diplomatik kedua-dua negara dan satu majlis sambutan akan diadakan di kedutaan Thai di Kuala Lumpur pada Isnin.

- Bernama